

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 5

- (a) Apakah tindakan yang perlu diambil jika terdapat akaun tergantung? (2 markah)
- (b) Qkleen menawarkan perkhidmatan mencuci kereta yang beroperasi di Pusat Servis Kereta Uda. Perniagaan Qkleen telah dimulakan pada 1 April 2016 dan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 6 petang bagi enam hari seminggu. Pemiliknya, Encik Kamar telah melaburkan tunai sebagai modal perniagaan yang telah digunakan untuk membeli peralatan bernilai RM6,000, kelengkapan RM1,800, bekalan RM1,400, dan deposit sewa. Peralatan dan kelengkapan dijangka dapat digunakan selama 5 tahun. Pusat Servis Kereta Uda mengenakan bayaran sewa pada kadar RM400 sebulan dan RM150 sebulan untuk utiliti. Pusat Servis Kereta Uda juga menetapkan bayaran deposit sewa untuk dua bulan.

Encik Kamar dibantu oleh dua orang pekerja yang dibayar upah sebanyak RM480 sebulan seorang. Encik Kamar turut membayar elaun makan sebanyak RM192 sebulan bagi setiap pekerja dan dirinya.

Rekod perniagaan Qkleen telah menunjukkan bahawa sehingga 30 Jun 2016, kutipan tunai daripada perkhidmatan yang diberikan adalah berjumlah RM15,618. Lain-lain belanja yang dilibatkan termasuk belanja pelbagai berjumlah RM400. Encik Kamar telah membeli bekalan bernilai RM850 secara tunai dan RM500 secara kredit yang akan dijelaskan pada bulan Julai. Baki tunai perniagaan pada 30 Jun 2016 berjumlah RM5,110.

Bekalan yang masih belum digunakan pada 30 Jun 2016 adalah bernilai RM680. Terdapat pelanggan yang belum menjelaskan caj perkhidmatan berjumlah RM250. Encik Kamar mengeluarkan tunai sebanyak RM1,000 sebulan untuk kegunaan peribadi.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan komprehensif Qkleen bagi tiga bulan pertama operasi. (11 markah)
- (ii) Sediakan penyata kedudukan kewangan Qkleen pada 30 Jun 2016. (7 markah)